



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



SIARAN MEDIA

PKB RAIKAN 1327 GRADUAN SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN KE – 36

12 September 2023, Politeknik Kota Bharu: Politeknik Kota Bharu menganjurkan Majlis Konvokesyen Politeknik Kota Bharu ke – 36 bagi tahun 2023 sebagai pengiktirafan ke atas kejayaan 1,327 orang graduan menamatkan pengajian dalam bidang kejuruteraan, teknikal dan pengurusan perniagaan yang dijadualkan berlangsung pada 11 hingga 14 September 2023 bertempat di Dewan Jubli Perak, Politeknik Kota Bharu.

Majlis Konvokesyen pada tahun ini yang berlangsung selama 4 hari bagi 4 sidang mengikut jabatan masing – masing bagi meraikan 1,327 orang graduan yang menamatkan pengajian pada tahun 2022 meliputi Jabatan Kejuruteraan Awam seramai 261 orang, Jabatan Kejuruteraan Elektrik seramai 294 orang, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal seramai 331 orang dan Jabatan Perdagangan seramai 441 orang.

Dato' Zahri Ismail, Pengerusi Eksekutif, Yayasan Dutamas Hijau berkata Politeknik mempunyai peranan penting dalam pembangunan modal insan negara. Untuk tempoh Rancangan Malaysia ke-12 (2021–2025), tumpuan akan diberikan dalam usaha mengukuhkan teknologi pendigitalan demi penyediaan pasaran kerja masa hadapan di samping memperkasa ekosistem

keusahawanan berteraskan teknologi digital. Justeru, pemilihan tema konvokesyen kali ini, “Graduan TVET Pemacu Generasi Madani” adalah amat bertepatan dengan hala tuju negara.

Tambah beliau lagi, kayu pengukur utama graduan TVET berkualiti dilihat melalui kadar kebolehpasaran graduan. Dan saya berbesar hati bila dimaklumkan bahawa kadar kebolehpasaran graduan Politeknik Kota Bharu bagi tahun 2022 adalah lebih **95 peratus**. Kadar kebolehpasaran graduan politeknik yang melebihi 90 peratus ialah satu indikator bahawa graduan Politeknik sentiasa menjadi pilihan majikan meskipun ketika negara dilanda pandemik COVID-19.

Antara tetamu kehormat lain yang turut hadir Dato Sri Haji Zainoddin Bin Azahari, Pengarah Urusan , Teguh Kualiti Sdn. Bhd., Dato' Zahri Ismail, Pengerusi Eksekutif , Yayasan Dutamas Hijau, Dato' Ir Safri Bin Che Kub, Pengarah Urusan Jentrik Sdn. Bhd., Ir. Haji Mohd Zaidi bin Che Mod, Timbalan Pengarah Akademik dan Encik Che Anuzi bin Yusoff , Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, pengarah – pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti Kelantan & Terengganu serta pegawai – pegawai kanan Politeknik Kota Bharu.

Majlis konvokesyen kali ini turut memberikan penghargaan dan anugerah kepada graduan terbaik dan memberikan komitmen yang tinggi melalui Anugerah Pengarah, Anugerah Kecemerlangan Akademik Dan Kokurikulum . Selain daripada itu Anugerah Hijau MSAE yang ditaja oleh Malaysian Society of Agricultural & Food Engineers (MSAE) dan Anugerah Industri Autocount daripadan Autocount Sdn. Bhd. diberikan kepada graduan – graduan yang terpilih.

Nicole Lee Chia Yee daripada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal merupakan penerima Anugerah Pengarah pada tahun ini dengan CGPA 3.86 dan merit 90%. Beliau yang merupakan anak sulung daripada 6 orang adik beradik

adalah seorang pelajar yang sangat aktif dalam program yang disertai. Beliau juga seorang yang berjaya dalam kurikulum dan mendapat Anugerah Emas dalam Pertandingan Polyskill dalam bidang Mekatronik. Beliau yang berasal daripada Chekok, Pasir Mas mempunyai impian untuk menjadi jurutera dan memperbaiki serta mencipta teknologi yang berguna untuk masa hadapan. Menurutnya, beliau amat bersyukur kerana dianugerahkan anugerah ini dan segala usaha beliau sepanjang belajar di Politeknik Kota Bharu amat berbaloi.

Menurut Gs. Sr Haji Mohd Fikri bin Ismail yang juga merupakan Pengarah PKB, konvokesyen ini adalah merupakan titik permulaan bagi para graduan mengorak langkah ke satu tahap yang lebih tinggi dan memahami erti dan cara kehidupan berkerjaya. Bagi mereka yang sudah atau akan memasuki alam pekerjaan, anda perlulah menyiapkan diri secara mental dan fizikal bagi memenuhi keperluan majikan. Gunakanlah masa yang ada bagi mengasah dan menambah kemahiran serta pengetahuan agar dapat menjadi warga kerja yang efisien, kreatif dan inovatif.

Disediakan oleh :

Unit Komunikasi dan Hubungan Korporat (UKK)

POLITEKNIK KOTA BHARU

12 September 2023